

# Jangan berniat 'kongkong kuasa' untuk sendiri

OLEH:  
ADAM HAMID

U.M. - 4 JUNI 1977

**S**EMERAH 3 Jun — Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli Barisan Nasional supaya jangan sekali-kali berniat hendak 'mengongkong kuasa' untuk diri sendiri.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kalangan pemimpin UMNO sendiri tidak pernah tamak kuasa. Malah sejarah telahpun membuktikan ia sanggup berkongsi kekayaan negara dan mambahagi-bahagikan kuasa dengan orang lain.

"Oleh itu bukti kita tidak tamak adalah jelas, jadi kita harap ahli-ahli Barisan Nasional juga tidak berniat hendak mengongkong kuasa untuk dirinya," ujar beliau.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Semerah di sini pagi ini, Dr. Mahathir juga menggesa ahli-ahli UMNO mempertahankan parti ulung Melayu itu "kerana keadaan masa telah berubah, dan begitu juga cara berfikir rakyat."

Dr. Mahathir berkata, perkembangan ini ada yang sihat dan ada pula yang tidak sihat. Banyak yang meniru daripada peristiwa-peristiwa di negeri lain.

"Mereka ini inginkan perubahan kerana mereka menganggap perubahan membawa kebaikan, tetapi tidak semua perubahan sebenarnya membawa kebaikan."

Beliau memberikan contoh setengah negara telah menukar cara hidup mereka, tetapi kesannya adalah lebih buruk dari yang mereka nikmati dulu.

"Kita pula sungguh beruntung kerana sebagai sebuah negara berbagai kaum kita telah mencapai kejayaan yang luar biasa setelah merdeka walaupun ada pihak yang meramalkan negara ini akan roboh."

Tegasnya, ini kerana kita bertanggungjawab dan tiap-tiap lima tahun kita keluar mengundi yang mana cara kita itu menentukan pemilihan pemimpin yang benar-benar layak memimpin kita.

Beliau mengingatkan kalau kita lalai kerajaan yang ditubuh mungkin dipimpin oleh orang-orang yang tidak dikehendaki oleh sebahagian besar rakyat.

Timbalan Perdana Menteri menafikan dakwaan bahawa UMNO mengongkong hak kebebasan ahli-

## Mahathir beri ingatan kepada ahli-ahli BN

ahlinya bersuara.

Katanya, "kita membahaskan dan membincangkan soal politik dengan teratur dan menentukan pendapat kita boleh diterima, asal sahaja mendapat sokongan ramai dan bernas."

Melalui pendapat ini, biasanya ia akan disalurkan menjadi dasar kerajaan.

Bagaimanapun Dr. Mahathir yang juga Naib Presiden UMNO itu menambah ada juga kalangan yang berbahas dan berdebat bukan untuk kepentingan rakyat, tetapi hendak menunjukkan handal mereka berbahas.

Beliau kesal kerana selepas berbahas, tidak ada apa-apa hasil.

## Bimbang

Lebih lanjut, Dr. Mahathir menekankan kalau semua ahli UMNO mengikut kehendak hati atau nafsu, masyarakat akan kucar kacir dan kalau masyarakat kucar kacir, tidak ada apa-apa menafaat yang kita dapat.

"Kalau kita memaksa seseorang itu menjadi pemimpin dengan tidak mengikut aturan peraturan UMNO, adalah dibimbangkan satu masa nanti pucuk pimpinan UMNO akan dianggotai oleh orang serupa itu seluruhnya.

"Sebabnya pihak lain akan cuba berbuat demikian juga dan kalau semua pihak mencuba, tidak ada pemimpin yang benar-benar bersih memimpin," katanya.

Beliau melahirkan kebimbangannya kerana ahli-ahli UMNO sekarang ini menghadapi krisis kepercayaan.

Beliau meminta supaya kita mengkaji sejarah UMNO di mana-pada masa-masa yang lalu ia mencapai kejayaan, "jadi jika kita buang ia, kita akan menemui kegagalan."

Terdahulu dari itu, Dr. Mahathir, telah merasmikan persidangan perwakilan UMNO bahagian Batu Pahat di sebuah hotel di bandar itu.